

U^{captama}

MEMPERKASA GURU, MEMPERCEKAP PELAJAR: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM ABAD KE-21

Zamri Mahamod

Profesor Madya Dr Zamri Mahamod

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh guru Bahasa Melayu dalam memperkasakan pendidikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam konteks pendidikan dalam abad ke-21. Untuk memperkasakan guru Bahasa Melayu ini, beberapa cadangan diketengahkan agar pemerkasaan yang dibuat bukan hanya memartabatkan pendidikan Bahasa Melayu, tetapi juga profesional keguruan Bahasa Melayu itu sendiri. Fokus pemerkasaan guru Bahasa Melayu lebih kepada penekanan pengetahuan pedagogi kandungan yang sewajarnya harus dikuasai dan difahami tujuan pelaksanaannya. Kertas konsep ini juga akan membincangkan bagaimana kaedah terbaik dalam mempersekapkan pelajar Bahasa Melayu seperti menguasai kemahiran-kemahiran abad ke-21, meningkatkan minat belajar pelajar Bahasa Melayu dan sebagainya. Turut dibincangkan ialah cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21.

Pengenalan

Secara prinsipnya, Al-Quran telah menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan dengan berbagai-bagai tahap kemampuan akal, roh dan jasad (surah Ali'Imran 3:11, al-Am 6:165, al-Rum 30:22). Kepelbagaiannya yang wujud dalam kalangan manusia ini seharusnya difahami oleh setiap mereka yang terlibat secara langsung urusan dengan manusia. Sebagai contoh, guru-guru seharusnya memahami setiap pelajarnya adalah berbeza-beza tahap latar belakang sosioekonomi, budaya, bahasa dan agamanya, berbeza tahap kognitifnya, dan sebagainya. Apabila seseorang guru itu dapat memahami akan kewujudan

kepelbagaian pelajar ini, maka guru-guru dapat merancang dan menentukan dengan baik proses pengajaran dan pembelajarannya (Wood 2002). Seseorang guru itu akan dapat memastikan pengajaran yang dijalankan secara bijaksana dengan mengambil kira tahap kemampuan pemikiran/kognitif serta kecenderungan pelajar supaya dapat menyemai keimanan, adat dan nilai yang benar serta menghapuskan adat dan amalan yang sesat secara berkesan (Zamri, Norasmah & Mohammed Sani 2007).

Pendidikan berkualiti memerlukan guru yang berkualiti (Mohamad Sani, Mohd Izham & Jainabee 2008). Sungguhpun banyak boleh ubah yang menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan seperti keadaan fizikal sekolah dan bilik darjah, kemudahan resos pengajaran-pembelajaran, tetapi yang paling penting ialah kualiti interaksi yang wujud antara guru dan pelajar. Guru-guru dalam abad ke-21 perlu memiliki kekuatan minda, ketangkasan daya cipta, kemantapan idealisme dan kekuatan diri. Profesionalisme dan disiplin kendiri yang positif menjadi paksi utama kepada budaya kecermelangan kerjaya seorang guru (Mohd. Najib 1999).

Guru pada masa kini mempunyai beban tugas yang sangat mencabar. Beban tugas yang banyak ini turut dihadapi oleh setiap guru Bahasa Melayu. Arends (2001) menyatakan bahawa guru-guru di zaman teknologi maklumat ini mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam proses pengajaran dan bentuk ilmu pengetahuan yang pelajar mereka terima. Guru yang baik akan menunjukkan rasa tanggungjawabnya terhadap apa yang pelajar-pelajarnya pelajari. Sebaliknya, guru yang tidak bertanggungjawab akan mengabaikan amanah yang diberi dalam mendidik anak bangsa menjadi insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pelajaran Malaysia-KPM 1992).

Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, sudah pasti setiap guru harus dibekalkan dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran, nilai, motivasi, psikologi, dan lain-lain. Demikian juga latihan dan pendidikan guru perlu dimantapkan dari segi kurikulum yang dipelajari, kokurikulum, latihan mengajar dan pelbagai kemahiran generik dalam menghasilkan seorang guru yang lengkap dari segi ilmu pengetahuan (bidang), kemahiran pedagogi (kemahiran mengajar) di samping dilengkapi dengan pelbagai kemahiran generik. Hal ini amat penting dalam mendidik pelajar-pelajar dalam abad ke-21 yang diketahui mempunyai banyak kemahiran yang dipelajari secara pengalaman, pembacaan, pemerhatian dan pergaulan sehari-hari.

Memperkasa Guru Bahasa Melayu dalam Abad ke-21

Masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat terkini dalam kehidupan seharian (Juriah, Khalid, Raja Mohd Fauzi, Siti Fatimah, Nik Mohd Rahimi, Zamri & Zarin 2001). Kemajuan sains dan teknologi ini turut menerima tempiasnya dalam sektor pendidikan. Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan dunia globalisasi ini. Sebagai contoh, perubahan-perubahan dalam pendidikan ini turut tercatat dalam banyak dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Standard Guru Malaysia, dan lain-lain. Semua yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini semuanya bermatlamat untuk melahirkan insan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1992).

Dalam menghasilkan guru Bahasa Melayu yang dapat menangani dan mendepani pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21, penulis berpendapat empat aspek berikut perlu dikuasai oleh setiap guru Bahasa Melayu. Penulis berdasarkan pendapat Shulman (1987) yang memperkenalkan empat konsep *Pedagogical Content Knowledge* atau Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) jika mahu menghasilkan guru yang cemerlang, berkesan, inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini sewajarnya diikuti dan diamalkan oleh guru, termasuk guru-guru Bahasa Melayu.

Apakah yang dimaksudkan dengan PPK? Shulman (1987) mendefinisikan PPK kepada pengetahuan guru menterjemahkan pengetahuan isi kandungan secara pedagogikal yang berkesan dengan memahami konteks dalam persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah berdasarkan pengetahuan guru terhadap pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan ciri setiap pelajarnya, pengetahuan tentang kepercayaan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. PPK banyak melibatkan cara penyampaian guru secara berkesan terhadap sesuatu idea, analogi kukuh, ilustrasi menarik, contoh-contoh tepat dan munasabah, penerangan jelas dan bermakna serta tunjuk cara berkesan agar sesuatu isi pelajaran itu dapat difahami pelajar dengan mudah.

Bagaimanakah penggunaan PPK dapat memperkasa guru-guru Bahasa Melayu dalam abad ke-21? PPK dapat memperkasa pengajaran guru Bahasa

Melayu dari segi membimbing pelajar untuk memahami mata pelajaran Bahasa Melayu dengan lebih bermakna seperti dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami, pertuturan yang lancar dan sistematik, perwatakan yang ceria dan meyakinkan ketika kelas Bahasa Melayu, penjelasan topik yang disusun, diolah, diubah suai dan disampaikan berdasarkan pelbagai kebolehan pelajar. Dengan adanya PPK ini, guru-guru Bahasa Melayu dapat menyampaikan isi pengajaran dengan lebih mudah dan berkesan.

Pengetahuan Isi Kandungan

Guru-guru Bahasa Melayu dalam abad ke-21 perlu mempunyai tahap pengetahuan isi kandungan Bahasa Melayu yang baik. Perkembangan terkini dalam kurikulum pendidikan Bahasa Melayu sejarah diketahui oleh setiap guru. Antara pengetahuan isi kandungan Bahasa Melayu yang perlu difokuskan ialah:

- Kesediaan guru Bahasa Melayu untuk menyampaikan bahan pengajaran merupakan perkara terpenting dalam pengendalian sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermakna pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang isi kandungan Bahasa Melayu merupakan kesediaan terpenting untuk memastikan keberkesanannya.
- Pengetahuan substantif, iaitu pengetahuan tentang apa yang ada dalam fakta atau konsep yang digunakan untuk menyusun idea dan maklumat tentang sesuatu tajuk dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berkenaan. Hal ini bermakna setiap guru Bahasa Melayu seharusnya memiliki pengetahuan substantif ini, terutamanya bagi tajuk-tajuk yang melibatkan isu-isu semasa.
- Pengetahuan sintaktik, iaitu pengetahuan tentang cara bagaimana sesuatu perkara itu dibentuk dan dihasilkan berdasarkan prosedur, kaedah dan proses yang melaluinya, sesuatu kebenaran dan pengetahuan baru dapat dibina. Hal ini bermakna setiap guru Bahasa Melayu perlu mengukuhkan kefahaman konseptual pelajar dengan menggunakan contoh, analogi, hujah secara logikal dan berhujah menggunakan asas fakta yang tepat mengikut tahap pemikiran pelajar.
- Penguasaan ilmu, iaitu setiap guru Bahasa Melayu perlu menguasai ilmu tatabahasa dan ilmu pedagogi Bahasa Melayu. Pengetahuan isi kandungan subjek yang berkaitan dengan sukatan, sama ada secara langsung atau tidak secara langsung merupakan faktor penting kefahaman pelajar terhadap apa yang diajarkan oleh guru Bahasa Melayu berkenaan. Hal ini bermakna tanpa menguasai ilmu Bahasa

Melayu, boleh mengganggu pemahaman dan pengetahuan pelajar tentang tajuk yang dipelajari.

Rumusannya, tahap keberkesanan pengajaran guru Bahasa Melayu banyak bergantung kepada pengetahuan isi kandungan subjek dan kemampuan guru mengurus masa untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam pengajaran. Pengetahuan isi kandungan Bahasa Melayu yang baik juga membantu guru merancang pengajaran harian, mingguan dan bulanan secara sistematis dan bertulis.

Pengetahuan Pedagogi

Pengetahuan pedagogi mengajar bermaksud setiap guru perlu mempunyai pelbagai pengetahuan berkaitan pedagogi mengajar. Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, setiap guru Bahasa Melayu sewajarnya memahami dan menguasai pelbagai kemahiran mengajar/pedagogi terkini yang melibatkan kaedah, pendekatan, teknik dan strategi mengajar Bahasa Melayu. Dalam pengajaran, seharusnya pelajar merasai dan dapat memahami bahawa guru Bahasa Melayu mereka seharusnya lebih mahir dan lebih mengetahui sesuatu tajuk yang dibincangkan berbanding pelajar. Hal ini boleh dilihat antara lain melalui pedagogi mengajar yang guru gunakan.


- *Pendekatan pengajaran:* Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, terdapat banyak pendekatan pengajaran yang boleh digunakan di dalam bilik darjah. Selalunya guru-guru Bahasa Melayu akan menggunakan pendekatan konvensional dan tradisi yang sudah biasa digunakan dalam pengajaran seperti deduktif, induktif dan komunikatif. Kini sepatutnya guru-guru Bahasa Melayu perlu meneroka kepada pendekatan pengajaran terkini dan sesuai dengan tahap kognitif, kepelbagaian pelajar, kesesuaian tajuk yang diajar dan sebagainya. Antara pendekatan terkini yang boleh digunakan ialah pendekatan masteri, kontekstual, konstruktif, koperatif, kolaboratif, penyebatian kemahiran, penggabungjalinan pelbagai disiplin ilmu dan pembelajaran berdasarkan masalah.
- *Kaedah pengajaran:* Terdapat banyak kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sewajarnya setiap guru Bahasa Melayu mengetahui dan menguasainya. Di dalam kelas kepelbagaian pelajar, kaedah mengajar berpusat pelajar seharusnya diberi penekanan oleh guru Bahasa Melayu. Antaranya ialah kaedah perbincangan, main peranan, penyelesaian masalah, pembelajaran atas talian, inkuriri, sumbang saran

dan sebagainya. Kaedah pengajaran yang banyak berpusatkan guru dan bahan tidak digalakkan digunakan oleh guru.

- *Teknik pengajaran:* Teknik pengajaran adalah perincian daripada penggunaan sesuatu kaedah yang digunakan. Teknik pengajaran lebih kepada pelaksanaan bagaimana sesuatu kaedah pengajaran itu dapat dilaksanakan dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik pengajaran merupakan kemahiran guru dalam mengelola dan melaksanakan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara teknik mengajar yang biasa digunakan ialah teknik bercerita, bersyarah, perbincangan, demonstrasi, latih tubi, penyoalan, sumbang saran dan permainan. Tujuan menggunakan pelbagai teknik mengajar dalam situasi pengajaran adalah untuk menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian serta membangkitkan rasa ingin tahu pelajar supaya mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Teknik-teknik pengajaran adalah kemahiran atau perkara-perkara khusus yang terdapat dalam sesuatu kaedah. Jika seseorang guru itu tidak dapat menguasai teknik-teknik yang ada pada sesuatu kaedah, maka kemungkinan besar matlamat kaedah itu akan tidak berhasil.
- *Strategi pengajaran:* Peranan strategi pengajaran adalah lebih penting lagi jika kita mengajar pelajar-pelajar yang berbeza dari segi kebolehan, pencapaian, kecenderungan serta minat yang berbeza-beza. Kita perlu rancangkan pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk mengajar kumpulan-kumpulan yang berbeza-beza itu. Contohnya, di dalam bilik darjah yang pelbagai tahap pencapaian, guru perlu memikirkan strategi pengajaran yang terdiri daripada pelbagai kaedah mengajar untuk memenuhi keperluan semua kumpulan. Di samping itu, setiap bilik darjah mempunyai halangan serta rintangan-rintangan yang tersendiri seperti keadaan fizikal, kemudahan bilik darjah, nilai, norma serta latar belakang sekolah dan pelajar. Lantaran itu, seseorang guru bukan sahaja mesti menguasai berbagai-bagai kaedah mengajar tetapi yang lebih penting lagi ialah bagaimana mengintegrasikan serta menyusun kaedah-kaedah itu untuk membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling berkesan dalam pengajarannya.

Rajah 1 jelas memperlihatkan keempat-empat konsep tersebut sebenarnya berlaku serentak sewaktu menentukan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Misalnya sewaktu mengajar, guru Bahasa Melayu perlu menggunakan pendekatan daripada mudah kepada yang lebih sukar, atau daripada konkret kepada abstrak. Hal ini kerana otak manusia berkembang secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, adalah penting memperkenalkan

perkara yang mudah-mudah kepada kanak-kanak terlebih dahulu sebelum mengajarkan konsep-konsep yang abstrak.



Rajah 1. Perkaitan antara pendekatan, kaedah, teknik dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran

Kesimpulannya, dalam melaksanakan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran, guru Bahasa Melayu perlu memilih kaedah yang sesuai digunakan seperti kaedah praktis, perbincangan, soal jawab dan sebagainya. Selepas kaedah yang hendak digunakan dipilih, barulah guru merancang teknik yang boleh komplemen dengan kaedah tersebut seperti teknik bercerita, latih tubi, menghafal dan seumpamanya. Usaha mengenal pasti dan memilih kaedah dan teknik yang sesuai dapat memenuhi pendekatan yang digunakan yang disebut sebagai strategi.

Pengetahuan Guru Tentang Ciri Pelajar

Guru Bahasa Melayu yang baik ialah seorang guru yang bukan sahaja mempunyai kepelbagaian kemahiran mengajar, tetapi juga mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap setiap anak pelajar yang di dalam kelas yang diajarnya. Pengetahuan berkaitan ciri pelajar adalah amat diperlukan untuk membantu guru memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan setiap ciri pelajarnya (Zamri 2011, Wood 2002). Pengetahuan guru tentang ciri pelajarnya boleh menjadikan pengajaran guru menyeronokkan dan meninggalkan kesan positif dalam diri pelajar berkenaan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pengetahuan guru tentang pelajar-pelajarnya dilihat dari aspek:

- *Maklumat umum tentang pelajar berkenaan:* Hal ini bermaksud setiap guru Bahasa Melayu bukan fungsinya untuk mengajar sahaja, tetapi juga mengambil berat akan hal-hal berkaitan dengan pelajar yang diasuhnya. Mengambil berat ini amat penting jika guru Bahasa Melayu berkenaan menjadi guru kelas pada setiap pelajar Bahasa Melayu tersebut.

- *Pengetahuan tentang tahap kognitif pelajar:* Setiap pelajar adalah berbeza tahap kognitifnya. Demikian juga pelajar yang belajar Bahasa Melayu. Tahap penguasaan bahasa dan kemahiran berbahasa pelajar turut dipengaruhi tahap kognitif pelajar berkenaan. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu perlu memahami setiap pelajarnya itu adalah berbeza tahap kognitifnya. Sudah tentu apabila menyoal (aras soalan), memberi tugas (mudah atau sukar), memberi arahan main peranan (sebagai ketua, pembentang, pencatat) dan sebagainya, maka guru-guru Bahasa Melayu perlu mengambil keupayaan pelajar tersebut untuk menjawab soalan, menyiapkan tugas, kemampuan bertindak ketika main peranan dan sebagainya.
- *Pengetahuan tentang tahap sosioemosi pelajar:* Kemampuan pelajar mempelajari Bahasa Melayu juga ada kaitan dengannya dengan tahap sosioemosi pelajar. Dalam hal ini, guru-guru Bahasa Melayu perlu kreatif dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajarannya. Guru Bahasa Melayu perlu kira bahawa tahap sosioemosi pelajar Bahasa Melayu boleh mempengaruhi sesi pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya.
- *Pengetahuan tentang masalah pembelajaran pelajar:* Hal ini berkaitan dengan pembelajaran pelajar. Ada pelajar Bahasa Melayu yang tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu, atau mengambil mudah pembelajaran Bahasa Melayu, dan sebaliknya. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu perlu mengenal pasti setiap masalah pembelajaran pelajar Bahasa Melayunya. Melalui kaedah ini, guru Bahasa Melayu dapat merancang aktiviti pengajarannya, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran dan aktiviti pengukuhan dan penilaian yang sesuai dengan kemampuan pelajar-pelajar yang bermasalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu ini.
- *Pengetahuan tentang sikap pelajar:* Faktor sikap amat penting dalam menentukan sama ada seseorang pelajar itu berminat atau tidak berminat mempelajari sesuatu mata pelajaran itu, guru yang mengajar, kaedah pengajaran yang digunakan dan sebagainya. Justeru, setiap guru Bahasa Melayu perlu memastikan pengajarannya menyeronokkan, dan mudah difahami pelajar. Kreativiti dan inovatif guru ketika mengajar boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
- *Pengetahuan tentang tahap kemahiran bahasa pelajar:* Empat kemahiran setiap pelajar juga perlu diambil berat oleh setiap guru Bahasa Melayu. Demikian juga aspek tatabahasa, kosa kata, pemahaman dan komponen sastera. Apabila guru-guru Bahasa Melayu

mengetahui tahap kemampuan setiap pelajarnya tentang kecekapan kemahiran bahasa dan aspek-aspek bahasa yang lain, maka guru dapat merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan berbahasa pelajar-pelajarnya itu.

Rumusannya, pengetahuan yang mendalam tentang setiap pelajar amat penting bagi setiap guru Bahasa Melayu. Pengetahuan yang baik tentang pelajar-pelajarnya membolehkan guru Bahasa Melayu menyalurkan semua pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi kandungan dapat diterapkan secara penyebatian.

Pengetahuan Kurikulum


Pengetahuan kurikulum bermaksud guru-guru Bahasa Melayu perlu memahami, mengetahui dan menguasai bagaimana kurikulum Bahasa Melayu itu dibina dan direka bentuk menjadi satu kurikulum yang sesuai untuk tahap kognitif pelajar. Antara elemen dalam pengetahuan kurikulum Bahasa Melayu itu ialah:

- *Kesinambungan kurikulum:* Hal ini bermaksud setiap kurikulum Bahasa Melayu yang dibina perlu saling berkaitan antara satu sama lain. Sebagai contoh, kurikulum Bahasa Melayu menengah rendah ada kesinambungan dengan kurikulum Bahasa Melayu menengah atas. Tajuk tatabahasa misalnya, jika di peringkat sekolah rendah, penekanannya diberikan kepada tatabahasa yang mudah, pembinaan ayat-ayat yang mudah, maka sebaliknya di peringkat menengah rendah dan atas, sudah pasti tatabahasa yang digunakan jauh lebih sukar berbanding tatabahasa pelajar sekolah rendah. Begitu juga dengan pembinaan ayat dan sebagainya.
- *Orientasi kurikulum:* Penekanan kurikulum Bahasa Melayu yang beroerintasikan peperiksaan perlu dikurangkan. Hal ini bermaksud, apabila kurikulum Bahasa Melayu lebih berfokus kepada peperiksaan, maka matlamat utama untuk membantu pelajar menguasai kesemua kemahiran bahasa, kemahiran berkomunikasi dan lain-lain tidak tercapai. Pelajar hanya menguasai Bahasa Melayu untuk tujuan peperiksaan sahaja.
- *Pelaksanaan kurikulum:* Guru-guru perlu memiliki pengetahuan bagaimana hendak melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu dengan menyeluruh untuk membolehkan guru-guru membuat perancangan dan pelaksanaan pengajarannya mengikut tahap perkembangan dan kematangan pelajar. Apabila guru Bahasa Melayu memahami

pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu tersebut, maka guru-guru dapat merancang pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu secara menyeluruh, terutamanya menangani perubahan-perubahan yang berlaku dalam pendidikan bahasa. Hal ini penting diketahui dan dikuasai setiap guru agar pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu yang dibuat dapat disesuaikan dengan keperluan dan tuntutan semasa seperti keperluan kemahiran abad ke-21.

- *Kandungan sukatan pelajaran:* kandungan sukatan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga perlu berubah mengikut perubahan semasa yang berlaku. Perkara-perkara berkaitan dengan ICT, penilaian dan pentaksiran, kemahiran abad ke-21, kepelbagaian kecerdasan dan sebagainya perlu dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu selain mengekalkan perkara-perkara sedia ada seperti kemahiran bahasa, penerapan nilai dan lain-lain. Sebaik-baiknya kesemua perkara ini disebatikan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu.

Rumusannya, Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) perlu dikuasai oleh setiap guru Bahasa Melayu. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan masa kini banyak mencabar keupayaan dan kebolehan guru Bahasa Melayu untuk mengajar dengan baik dan berkesan. Keadaan ini ditambah pula dengan kepelbagaian yang wujud dalam kalangan pelajarnya. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu perlu bersedia dan lebih terkehadapan dalam banyak perkara agar proses pengajarannya menjadi lebih menarik dan menyeronokkan pelajar. Kaitan PPK guru-guru Bahasa Melayu ini boleh diperjelaskan seperti Rajah 2.



Rajah 2: Cadangan PPK yang perlu ada pada guru Bahasa Melayu abad ke-21

Perubahan dalam Pendidikan Bahasa Melayu dalam Abad ke-21

Pendidikan Bahasa Melayu tidak terkecuali dalam menerima perubahan yang dilakukan oleh KPM. Bagi mendepani abad ke-21 ini, guru-guru Bahasa Melayu di Malaysia khususnya perlu menguasai pelbagai perkara yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Perubahan-perubahan ini boleh dilihat daripada lapan aspek berikut.

Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu

Guru Bahasa Melayu dalam abad ke-21 bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan pedagogi kandungan mata pelajaran, tetapi juga aspek-aspek lain yang melibatkan perubahan dalam pendidikan dan latihan guru Bahasa Melayu itu sendiri. Perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira aspek-aspek berikut jika mahu melahirkan guru yang berupaya melunaskan inspirasi negara:

- Kurikulum berdasarkan masalah
- Pengisian ICT dalam kurikulum
- Aktiviti pengajaran melibatkan aktiviti penyelesaian masalah
- Menggunakan hasil penyelidikan untuk pengembangan profesionalisme
- Memiliki kemahiran mengajar berpusatkan pelajar
- Memberi perhatian kepada pentaksiran dan penilaian terkini

Selain mengambil kira enam aspek di atas, struktur kurikulum pendidikan dan latihan guru-guru Bahasa Melayu dalam abad ke-21 juga perlu mengandungi aspek-aspek berikut:

- Pengetahuan asas pendidikan
- Pengetahuan asas bahasa dan sastera
- Kemahiran berbahasa
- Perkaedahan pengajaran bahasa (pedagogi)
- Kemahiran generik/kemahiran insaniah
- Gerak kerja kokurikulum
- Kepelbagai kecerdasan pelajar

Kecekapan Berbahasa Guru Bahasa Melayu

Dalam abad ke-21 ini, setiap guru Bahasa Melayu sama ada yang mengajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahu pun di institusi pengajian tinggi seharusnya memiliki kecekapan berbahasa yang baik. Selain empat kemahiran asas yang diberi penekanan dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi kemahiran berbahasa, guru-guru Bahasa Melayu juga perlu menguasai kecekapan berbahasa antaranya seperti berikut:

- Kecekapan berkomunikasi
- Kecekapan berhujah dan membidas
- Kecekapan berbincang dan mengulas
- Kecekapan menyоal
- Kecekapan menyatakan dan menghuraikan ilmu pengetahuan dan pendapat
- Kecekapan membaca, memahami dan merumus teks
- Kecekapan menganalisis dan mentafsir maklumat
- Kecekapan membaca dan menaakul pelbagai bahan
- Kecekapan membina ayat
- Kecekapan menulis

Keperluan Kemahiran Mengajar Guru Bahasa Melayu

Kemahiran mengajar merupakan suatu keperluan yang perlu ada pada setiap guru Bahasa Melayu. Menurut Grasha (1996), setiap guru/pendidik/pensyarah mempunyai gaya mengajar yang berbeza-beza. Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, setiap guru Bahasa Melayu seharusnya mempunyai gaya mengajar seperti:

- Gaya mengajar pakar, iaitu guru Bahasa Melayu merupakan guru yang pakar dalam bidangnya (menguasai pengetahuan/ilmu Bahasa Melayu, ilmu pedagogi)
- Gaya mengajar fasilitator, iaitu guru Bahasa Melayu lebih banyak bertindak sebagai pemudah cara, pembimbing dan penunjuk ajar kepada pelajar (berpusatkan pelajar)
- Gaya mengajar delegator, iaitu guru Bahasa Melayu memberi panduan kepada pelajar bagaimana hendak mempelajari sesuatu tajuk, kemahiran, membuat aktiviti berkaitan Bahasa Melayu dengan mudah.

Selain gaya mengajar yang dicadangkan ini, guru-guru Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini juga perlu memiliki kemahiran-kemahiran mengajar lain yang boleh membantu anak didik mereka, antaranya seperti berikut:

- Kemahiran menjelaskan konsep
- Kemahiran mengikut tahap kebolehan pelajar
- Kemahiran mempelbagaikan kaedah pengajaran
- Kemahiran melaksanakan pengukuhan pembelajaran
- Kemahiran melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan
- Kemahiran menyampaikan isi pengajaran dengan berkesan
- Kemahiran menggunakan teknologi secara bestari
- Kemahiran mempelbagaikan bahan bantu mengajar
- Kemahiran menggunakan perisian pengajaran
- Kemahiran menyediakan modul pengajaran
- Kemahiran meningkatkan penglibatan pelajar
- Kemahiran menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran
- Kemahiran menerapkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif
- Kemahiran melaksanakan pentaksiran dan penilaian pengajaran

Bentuk dan Struktur Kurikulum yang Sesuai untuk Pendidikan Bahasa Melayu

Dalam pembinaan bentuk dan struktur kurikulum pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21, terdapat beberapa perkara perlu diberi pertimbangan agar proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu abad ke-21 berbeza

dengan abad sebelumnya. Dalam hal ini, penulis berpendapat kurikulum pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21 perlu memenuhi memberi penekanan kepada 10 aspek berikut:

- Pembelajaran koperatif dan kolaboratif
- Kemahiran berfikir kritis dan kreatif
- Perkembangan kreativiti
- Kemahiran generik/insaniah
- Penerapan patriotisme dan ketatanegaraan
- Penghayatan nilai-nilai murni
- Kepelbagai kecerdasan
- Strategi belajar cara belajar
- Kajian tindakan

Selain itu, kurikulum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21 perlu memenuhi kerangka yang ditetapkan oleh sesuatu pihak. Sebagai contoh, Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (1996) menetapkan bahawa Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu Abad Ke-21 antara lain perlu mengandungi:

- Kurikulum yang bersifak dinamis, futuristik dan fleksibel dengan kandungan kurikulum
- Fokus kurikulum itu dirancang supaya relevan dengan susasana pengajaran dan pembelajaran
- Kurikulum dapat memenuhi matlamat pembangunan dan kemajuan negara
- Pelajar berkemampuan menangani cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi ledakan ilmu dan maklumat
- Pelajar berkebolehan untuk merancang masa depan
- Pelajar berkemampuan untuk membuat pilihan bijak dan tetap sesuai dengan budaya dan nilai semasa

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pendidikan Bahasa Melayu

Dalam abad ke-21, terdapat banyak strategi pengajaran yang perlu diberikan penekanan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Selain strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan laman web (ICT) seperti Internet, *e-group*, *e-bincang*, telesidang dan lain-lain, strategi-strategi pengajaran lain juga perlu dikuasai guru Bahasa Melayu, antaranya seperti berikut:

- Strategi pengajaran dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif (*cooperative and collaborative learning*)
- Strategi pengajaran dan pembelajaran kontekstual (*contextual learning*)

- Strategi pengajaran dan pembelajaran masteri (*mastery learning*)
- Strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan masalah (*problem based learning*)
- Strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centred learning*)
- Strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul (*modul based learning*)
- Strategi pengajaran dan pembelajaran metakognitif (*metacognitive learning strategies*)
- Strategi pembelajaran konteks luaran (*outside context learning strategies*)

Selain strategi yang dibincangkan di atas, strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran berikut juga perlu diberi tumpuan dan penekanan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Dalam abad ke-21, terdapat pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan juga pengajaran guru Bahasa Melayu, antaranya seperti berikut:

- Strategi permainan bahasa
- Strategi kajian kes
- Strategi mengambil nota
- Strategi menghafal dialog
- Strategi main peranan/simulasi
- Strategi lakonan/demonstrasi
- Strategi penyelesaian masalah
- Strategi latih tubi
- Strategi tutoran rakan sebaya
- Strategi perbincangan/sumbang saran
- Strategi seminar/forum/perbahasan
- Strategi lawatan sambil belajar
- Strategi kerja projek/folio

Bentuk Penilaian dan Pentaksiran Program Pendidikan Guru Bahasa Melayu

Umumnya, tidak ada satu bentuk atau kaedah penilaian yang sesuai untuk sesuatu mata pelajaran. Demikian juga dalam pendidikan Bahasa Melayu. Bentuk penilaian atau pentaksiran yang digunakan adalah sama dengan mana-mana kurikulum bahasa. Walau bagaimanapun, sewajarnya penilaian dan pentaksiran program pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini perlu ada kelainan berbanding penilaian dan pentaksiran sebelumnya. Jika dahulu


penilaian dan pentaksiran terhadap pelajar lebih berfokus kepada penilaian sumatif dan sumatif serta diukur pada peperiksaan akhir, maka banyak kelemahan dan kelompongan dikenal pasti kepada pelajar. Antara kelemahan ini ialah:

- Penekanan kepada aspek peperiksaan semata-mata (exam oriented)
- Guru mengajar untuk menghabiskan silibus/sukatan pelajaran
- Guru mengutamakan tajuk-tajuk yang belum/sudah lama tidak keluar peperiksaan
- Pandangan dan kemahuan ibu bapa yang lebih mengutamakan pencapaian akademik anak-anak
- Prestasi sekolah, tumpuan pentadbir dan prestasi guru diukur berdasarkan peratusan gred A pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Akibat terlalu berfokus kepada peperiksaan, maka banyak elemen yang berkaitan pelajar diabaikan oleh guru Bahasa Melayu, antaranya ialah:

- Kecekapan dan kemahiran bahasa dan berbahasa pelajar diabaikan
- Penerapan nilai murni dan kerohanian tidak diterapkan secara penyebatian dan penyepaduan dalam pembelajaran pelajar
- Kemahiran dan kecekapan bahasa pelajar hanya terbatas untuk satu jangka peperiksaan sahaja

Oleh itu, penilaian dan pentaksiran kurikulum pendidikan Bahasa Melayu abad ke-21 ini perlu berubah. Markah dan gred pelajar tidak seratus peratus diukur berdasarkan peperiksaan akhir (sumatif), tetapi diukur dalam pelbagai cara. Lembaga Peperiksaan atau institusi yang bertanggungjawab perlu mempelbagai kaedah penilaian dan pentaksiran untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu itu amat menarik untuk dipelajari. Oleh kerana sistem penilaian yang digunakan lebih berfokuskan pencapaian akademik, maka penilaian yang dibuat pada domain kognitif sahaja. Akibatnya, pelajar-pelajar hanya dinilai dari segi kognitif sahaja, manakala domain afektif dan psikomotor diabaikan. Hasilnya, ramai pelajar dalam abad ke-21 ini hanya cemerlang dalam akademik (kognitif), tetapi kurang sahsiah (afektif) dan kurang kemahiran insaniahnya (psikomotor). Untuk itu, bagi pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini, kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (*school based assessment*) merupakan kaedah terbaik dalam melahirkan pelajar Bahasa Melayu yang seimbang dari segi kognitif, afektif dan psikomotornya (Zamri, Mohamed Amin & Nik Mohd Rahimi 2010).



Rajah 3: Cadangan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah

Isu Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) amat sesuai dilaksanakan pada zaman ICT ini. Oleh kerana banyak perubahan yang telah dibuat dalam sesuatu kurikulum pendidikan itu, maka perubahan yang sama juga perlu dibuat pada pendidikan Bahasa Melayu itu sendiri. PBS ialah satu alternatif kepada sistem penilaian dan pentaksiran yang sedia digunakan masa kini. Walaupun demikian, sistem penilaian dalam pendidikan Bahasa Melayu perlu ke arah PBS. Jika di negara-negara Barat sudah lama menggunakannya, maka sistem PBS juga seharusnya digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga. Isunya sekarang adakah guru-guru Bahasa Melayu bersedia dalam menjayakan sistem PBS ini?

- Adakah guru-guru Bahasa Melayu faham apakah maksud PBS?
- Bagaimanakah PBS hendak dilaksanakan dalam pendidikan Bahasa Melayu?
- Adakah guru-guru Bahasa Melayu diberi pendedahan bagaimana hendak mentaksir pelajar Bahasa Melayu?
- Adakah guru-guru Bahasa mempunyai kebolehan dalam mentaksir tugas pelajar?
- Apakah perkara/aspek/kemahiran yang hendak ditaksir?

- Apakah kriteria/gred/markah yang digunakan dalam membuat pentaksiran?
- Adakah akan wujud ketidakadilan/bias dalam pemberian markah?
- Sejauh manakah pentaksiran yang guru lakukan mempunyai kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*)?

Rumusannya, terlalu banyak perkara yang perlu difikirkan oleh guru Bahasa Melayu jika mahu melaksanakan PBS. Walaupun PBS adalah amat baik dalam menilai secara holistik kecekapan dan pencapaian pelajar, tetapi isu-isu yang dibangkitkan boleh menjelaskan pelaksanaan PBS di sekolah amnya dan mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya. Kajian-kajian di Australia, New Zealand, United Kingdom terbukti akan kelebihan PBS sebagai satu alternatif dalam sistem pendidikan masa kini yang tidak hanya mengukur pencapaian akademik pelajar berdasarkan kognitif, tetapi juga daripada aspek afektif dan psikomotor.

Mempercekap Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21

Sistem pendidikan masa kini tidak lagi berpusatkan guru (*teacher centred*), sebaliknya penekanan kepada pendekatan berpusatkan pelajar (*students centred learning*). Keperluan guru memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar adalah selari dengan kemajuan dalam sistem pendidikan yang berlaku di seluruh dunia. Perubahan dalam pembelajaran pelajar ini perlu diketahui dan difahami oleh setiap guru Bahasa Melayu. Hakikatnya, persekitaran pembelajaran pelajar sudah banyak berubah. Perubahan dalam pembelajaran pelajar ini perlu guru Bahasa Melayu kenal pasti supaya guru dapat merancang pengajarannya dengan berkesan. Perubahan-perubahan yang boleh dikenal pasti adalah seperti:


- Pembelajaran tearah kendiri (*self-directed learning*)
- Pembelajaran kemampuan sendiri (*self-paced learning*)
- Pembelajaran kendiri (*self-accessed learning*)

Selain itu, pembelajaran pelajar juga perlu berfokuskan kepada pembinaan minda pelajar dan berbentuk *thoughtful learning* berbantuan teknologi komputer dan sumber multimedia yang mengoptimumkan proses pembelajaran pelajar.

Kemahiran Diperlukan Pelajar Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21

Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu dalam abad ke-21, terdapat banyak kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar (termasuk guru Bahasa Melayu). Seringkali terdapat kegagalan guru Bahasa Melayu untuk menerapkan pelbagai kemahiran Bahasa Melayu, terutamanya kemahiran-kemahiran abad ke-21. Pelajar-pelajar Bahasa Melayu sepatutnya sudah boleh menyepadukan kemahiran-kemahiran abad ke-21 ketika mempelajari Bahasa Melayu, khususnya ketika belajar di dalam kelas dan di luar kelas.

Dalam konteks kerja ini, saya ingin berkongsi pandangan tentang kemahiran-kemahiran abad ke-21 daripada perspektif *enGauge Skill* (NCREL & Metiri Group 2003). Menurut kerangka kemahiran abad ke-21 *enGauge* ini, terdapat empat komponen kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar dan juga guru. Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, guru-guru Bahasa Melayu boleh memberi penekanan kemahiran-kemahiran abad ke-21 ini secara penyebatian dalam setiap tajuk dan kemahiran bahasa yang diajarnya. Kemahiran abad ke-21 ini dipaparkan dalam Rajah 4.



Rajah 4. Kemahiran abad ke-21 *enGauge*
(Sumber: NCREL & Metiri Group, 2003)

Literasi Era Digital

Dalam era ICT ini, pengetahuan, kemahiran dan penguasaan ilmu tentang ICT amat penting bagi setiap guru dan pelajar Bahasa Melayu. Oleh kerana ICT memberi impak perubahan yang amat besar dalam sistem pendidikan, maka peranan guru Bahasa Melayu dalam menangani perubahan literasi era digital ini juga amat penting. Dalam hal ini, NCREL dan Metiri Group (2003) berpendapat bahawa penguasaan ilmu literasi era digital ini penting dikuasai oleh sesiapa sahaja, termasuk guru-guru Bahasa Melayu dan pelajar-pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu ini, sama ada sebagai bahasa ibunda mahupun sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Pemikiran Inventif

Pemikiran inventif ialah satu aktiviti kognitif yang dapat membantu pengalikasian kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis di samping kemahiran menyelesaikan masalah melalui aktiviti inovasi dan reka cipta. Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, guru mahupun pelajar perlu memiliki pemikiran inventif jika inginkan mata pelajaran ini dipelajari dengan lebih menarik.

Komunikasi Berkesan/Interaksi

Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu, komunikasi berkesan amat ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tanpa komunikasi yang berkesan, maka sesuatu perkara yang ingin disampaikan tidak dapat dilaksanakan dengan berjaya. Misalnya, objektif pengajaran guru Bahasa Melayu tidak tercapai apabila sesuatu tajuk yang diajar dalam satu jangka masa pengajaran tidak difahami oleh anak didiknya. Oleh itu, penguasaan komunikasi berkesan amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.


Penghasilan Produktiviti Tinggi

Kemahiran-kemahiran abad ke-21 antara lain bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mampu mengaplikasikan segala kecanggihan ICT, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, pelajar yang berdaya saing dan mempunyai sahsiah diri dan interpersonal yang tinggi. Hal ini bermakna dalam pendidikan Bahasa Melayu, keupayaan dan pencapaian guru bukan sahaja diukur berdasarkan peratusan cemerlang (kuantiti) dalam peperiksaan, tetapi juga berdasarkan kualiti pelajar yang dihasilkan itu. Jika pelajar yang dihasilkannya itu berjaya menguasai pelbagai kemahiran dan pada masa yang sama mempunyai kelulusan dalam peperiksaan, maka guru berkenaan sudah berjaya


menghasilkan produk yang bermutu tinggi, terutamanya dalam menghadapi cabaran kerjaya pada masa kini. Menurut Kellner (2000), pelajar yang kurang atau tidak memperoleh kemahiran-kemahiran abad ke-21, mereka akan menghadapi banyak saingan dalam kehidupan, erutamnya cabaran dalam dunia kerja. Oleh itu, penghasilan produktiviti tinggi dalam pendidikan Bahasa Melayu juga harus diberi perhatian oleh setiap guru dan juga pelajar jika mahu berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Norma, Nilai Murni dan Kerohanian

Kemahiran abad ke-21 berkaitan dengan normal, nilai murni dan kerohanian ini bermaksud guru-guru Bahasa Melayu perlu menerapkan elemen-elemen ini ketika mengajar Bahasa Melayu. Penerapan dan penyebatian norma, nilai murni dan kerohanian ini tidak hanya diserapkan secara tersurat dalam kandungan kurikulum, tetapi juga secara tersirat. Menerapkan nilai rasa bersyukur mempelajari Bahasa Melayu, mencintai bahasa ibunda serta menyedari akan kepentingan ilmu bahasa dalam kehidupan serta menyepadukan ilmu bahasa dengan pelbagai ilmu/multidisiplin/merentas ilmu serta mengaitkan ilmu bahasa dengan ilmu dunia dan akhirat adalah penting dalam melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran abad ke-21 yang seimbang dalam aspek norma, nilai murni dan kerohanian.



Rajah 4. Penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu



Selain kemahiran abad ke-21 *enGauge* ini, kemahiran-kemahiran abad ke-21 yang dicadangkan oleh *The Partnerships 21st Century Skills* (2008) juga boleh dijadikan sumber rujukan dalam memupuk kemahiran-kemahiran insaniah/generik dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu. Dalam hal ini, kemahiran dan kecekapan guru Bahasa Melayu amat penting agar kemahiran abad ke-21 ini dapat diaplikasi dan diimplementasikan dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar Bahasa Melayu.

Kemahiran	Kriteria Kemahiran
Kemahiran mengubah suai dan bertanggungjawab	Mengamalkan sifat bertanggungjawab, fleksibel di tempat kerja serta bertoleransi dalam masyarakat.
Kemahiran berkomunikasi	Memahami, mengurus dan berkebolehan berkomunikasi secara berkesan di samping mahir dalam penggunaan alat telekomunikasi.
Kemahiran kreativiti dan sifat ingin tahu yang kuat	Menjana, melaksanakan serta menyampaikan idea baru kepada orang lain serta bersifat terbuka.
Kemahiran berfikir secara sistematik dan kritikal	Sistematik dalam pemikiran serta berkebolehan menganalisis dan membuat hubung kait.
Kemahiran literasi media dan informasi	Kebolehan mendapatkan maklumat, menganalisis, mengurus, menilai dan mengintergrasikan maklumat tersebut dalam pelbagai media.
Kemahiran	Mempamerkan sifat kerjasama, kepimpinan,

bekerjasama dan interpersonal	mengadaptasi, bekerja dengan produktiviti di samping bersifat empati dan menghormati kelainan pendapat.
Kemahiran mengenal pasti masalah dan memberi jalan penyelesaian	Kebolehan untuk mengenal pasti masalah, menganalisis dan mencari jalan penyelesaian setiap masalah.
Kemahiran pengurusan kendiri	Mengawasi dan menilai keperluan kendiri serta mengenal pasti sumber-sumber yang diperlukan.
Kemahiran tanggungjawab sosial	Bertindak dengan mengambil kira kepentingan masyarakat, beretika di tempat kerja dan dalam masyarakat.

Jadual 1. Kemahiran Abad Ke-21 Menurut *The Partnerships 21st Century Skills*

Rumusannya, kemahiran-kemahiran abad ke-21 ini sewajarnya dikuasai dan disebatkan dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar Bahasa Melayu. Kepentingan kemahiran abad ke-21 amat penting bagi guru-guru Bahasa Melayu untuk melahirkan pelajar yang seimbang dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Minat dan Kesediaan Pelajar Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21

Minat dan kesediaan pelajar Bahasa Melayu ketika belajar di dalam kelas perlu diberi perhatian oleh setiap guru Bahasa Melayu. Setiap pelajar berbeza dari segi minat dan kesediaan belajar mereka (Wood 2002). Kajian-kajian yang dijalankan oleh membuktikan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (lihat Suwarnee 2006, Norlela 2007, Nor Razah 2007, Zamri & Mohamed Amin 2008, Juriah 2010, Zamri 2011). Kesemua kajian ini membuktikan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu perlu diambil kira dalam merancang kurikulum, kaedah mengajar dan rancangan pengajaran guru Bahasa Melayu. Apakah faktor minat yang perlu diperhatian oleh setiap guru Bahasa Melayu ketika mengajar pelajar-pelajar yang semakin pelbagai dan *advance* tahap kognitif mereka masa kini? Pada pendapat penulis, antara faktor yang dapat menarik minat pelajar mempelajari Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini ialah:

- Persediaan guru Bahasa Melayu: Persiapan yang dibuat sebelum mengajar (bahan pengajaran, buku rekod mengajar), semasa mengajar

(pengetahuan, pedagogi, penyebatian dan lain-lain) dan selepas mengajar (memeriksa dan memberi komen, latihan pengukuhan dan lain-lain)

- Cara penyoalan guru Bahasa Melayu: Jenis soalan yang diajukan, bentuk soalan, respon guru terhadap jawapan atau soalan pelajar, pengukuhan yang guru berikan, dan lain-lain berkaitan cara penyoalan.
- Pedagogi pengajaran guru Bahasa Melayu: Kepelbagaian kaedah pengajaran guru sama ada kaedah tersebut berpusatkan guru, berpusatkan pelajar ataupun berpusatkan bahan pengajaran.
- Aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Penggunaan aplikasi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti e-kumpulan, e-bincang, pembelajaran atas talian, laman web dan lain-lain.
- Mengambil kira kepelbagaian pelajar: Guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira bahawa di dalam kelas Bahasa Melayunya, pelajar mempunyai pelbagai latar belakang sosioekonomi keluarga, emosi, kognitif dan pencapaian, jantina, dan lain-lain yang boleh mempengaruhi pengajaran guru.

Rumusannya, minat dan kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu perlu diambil kira oleh guru dalam merancang sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dengan mengambil kira kepelbagaian minat dan kesediaan pelajar di dalam bilik darjah, guru Bahasa Melayu dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajarnya ketika belajar Bahasa Melayu.

Cara dan Gaya Pembelajaran Pelajar Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21

Cara dan gaya pembelajaran pelajar ketika belajar Bahasa Melayu juga banyak mempengaruhi minat dan kesediaan pelajar belajar. Setiap guru Bahasa Melayu perlu mengetahui dan memahami bahawa setiap pelajar di dalam kelas adalah pelbagai dan mempunyai cara dan gaya belajar yang berbagai-bagai. Kajian yang dijalankan oleh Juliawati (2006) dan Ong Sze Chong (2008) tentang cara dan gaya pembelajaran pelajar ketika belajar Bahasa Melayu membuktikan bahawa cara dan gaya pembelajaran boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu. Apakah cara dan gaya pembelajaran pelajar yang guru Bahasa Melayu kenal pasti dan rancang ketika mengajar? Menurut Zamri (2004), Zamri, Mohamed Amin dan Nik Mohd Rahimi (2010), terdapat tiga kategori cara dan gaya belajar Bahasa Melayu. Zamri mengklasifikasikan sebagai strategi belajar, iaitu:

- Strategi belajar Bahasa Melayu di dalam kelas

- Strategi belajar Bahasa Melayu di luar kelas
- Strategi belajar Bahasa Melayu ketika peperiksaan

Menurut Ruslin (2007) dan Juliawati (2006), pelajar mempunyai cara dan gaya belajar yang berbeza. Kepelbagaian cara dan gaya pelajar ini banyak mempengaruhi pencapaian pelajar dan pengajaran guru itu sendiri. Mereka mengenal pasti bahawa cara dan gaya belajar pelajar berikut seharusnya diberi perhatian oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajar di dalam kelas kepelbagaian pelajar. Mereka menggunakan Gaya Pembelajaran Grasha (1996) dalam mengukur cara dan gaya pembelajaran pelajar. Urutan cara dan gaya pembelajaran yang perlu pelajar gunakan ketika mengajar bahasa mengikut urutan adalah seperti berikut:

- Gaya belajar bekerjasama (*collaborative learning*)
- Gaya belajar melibatkan diri (*participant learning*)
- Gaya belajar bersaing (*competitive learning*)
- Gaya belajar bebas/sendiri (*independent learning*)
- Gaya belajar bergantung (*dependent learning*)
- Gaya belajar mengelak (*avoidant learning*)

Selain enam cara dan gaya belajar ini, guru-guru Bahasa Melayu juga perlu mengambil kira tiga cara dan gaya belajar menurut kategori Kolb (1976) yang menekankan tiga gaya berikut sebagai keutamaan dalam membantu pelajar belajar sesuatu mata pelajar itu dengan baik. Demikian juga dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di mana guru-guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira tiga cara dan gaya belajar berikut untuk membantu pelajar-pelajar mempelajari Bahasa Melayu dengan mudah, cepat dan berkesan:

- Gaya belajar visual (melihat) – guru Bahasa Melayu perlu mempelbagaikan kaedah, bahan mengajar yang melibatkan aktiviti visual, terutamanya yang melibatkan kemahiran bertutur dan membaca.
- Gaya belajar auditori (mendengar) – guru Bahasa Melayu mempelbagaikan kaedah mengajar yang melibatkan aktiviti mendengar, terutamanya yang melibatkan kemahiran mendengar
- Gaya belajar kinestetik (pergerakan) – guru Bahasa Melayu mempelbagaikan kaedah mengajar yang melibatkan pergerakan, seperti main peranan, lakonan, bahan Komsas dan sebagainya.

Menurut Zamri (2004, 2011), cara dan gaya belajar pelajar Bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya seperti:

- Gaya dan strategi mengajar guru Bahasa Melayu

- Inovasi pedagogi yang guru Bahasa Melayu gunakan – kaedah, pendekatan, teknik dan strategi mengajar yang digunakan
- Kepelbagaian pelajar di dalam kelas Bahasa Melayu
- Kurikulum Bahasa Melayu itu sendiri – perlu berubah
- Strategi belajar Bahasa Melayu mengikut kategori belajar (di dalam kelas, di luar kelas, peperiksaan)
- Strategi belajar Bahasa Melayu mengikut kemahiran bahasa.

Rumusannya, cara dan gaya belajar di dalam kelas Bahasa Melayu adalah pelbagai dan berbeza mengikut kategori pelajar, suasana belajar, bahan yang diajar dan sebagainya. Oleh itu, peranan guru Bahasa Melayu dalam membantu pelajar belajar mengikut cara dan gaya belajar adalah amat penting.

Cadangan Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad ke-21

Seperti yang dibincangkan di atas, proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam konteks abad ke-21 perlu berubah seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan kemajuan dalam sistem pendidikan di seluruh dunia. Perubahan-perubahan yang berlaku ini perlu diambil kira oleh guru Bahasa Melayu jika inginkan pengajaran mereka dan pembelajaran pelajar sentiasa inovatif, menarik dan menyeronokkan. Berikut diberikan beberapa cadangan bagaimana hendak menambah baik pengajaran guru dan pembelajaran pelajar Bahasa Melayu dalam abad ke-21:

- *Latihan dan pendidikan yang diterima oleh guru Bahasa Melayu:* Institusi yang bertanggungjawab melatih guru-guru Bahasa Melayu perlu memastikan latihan dan pendidikan yang diterima oleh bakal-bakal guru ini memenuhi kriteria atau standard yang ditetapkan. Misalnya, kursus-kursus asas keguruan, kursus-kursus pengkhususan Bahasa Melayu, kursus-kursus elektif atau liberal, kursus kokurikulum memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh sesuatu institusi penarafan seperti *Malaysian Qualification Framework* (MQA) di Malaysia.
- *Kurikulum Bahasa Melayu:* Sukatan pelajaran Bahasa Melayu, Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu dan buku teks Bahasa Melayu yang sedia ada perlu mengambil kira perkara-perkara seperti kepelbagaian pelajar, gaya dan strategi belajar, penyebatian dan penerapan nilai, kepelbagaian kaedah mengajar dan sebagainya. Kandungan kurikulum juga perlu lebih bermakna kepada pelajar (kontekstual) di samping

memberi penekanan kepada keempat-empat kemahiran bahasa, pembelajaran berpusatkan murid, aplikasi ICT dan sebagainya.

- *Pembangunan profesionalisme berterusan (Continuing professional development-CPD) guru Bahasa Melayu:* Guru-guru Bahasa Melayu hendaklah sentiasa dihantar mengikuti kursus, bengkel, seminar, galakkan membuat sangkutan (*attachment*), lawatan sambil belajar dan sebagainya sebagai satu kaedah peningkatan CPD guru-guru Bahasa Melayu. Pendedahan berterusan CPD penting dalam melahirkan guru-guru Bahasa Melayu yang sentiasa menerima idea-idea baru, kreatif dan inovatif yang dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
- *Penilaian dan pentaksiran pendidikan Bahasa Melayu:* Perlu kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (yang telah dibincangkan) yang lebih bersifat menyeluruh, dan tidak terfokus kepada peperiksaan sahaja.

Kesimpulan

Daripada perbincangan yang dirungkaikan dalam kertas kerja ini, ternyata pendidikan Bahasa Melayu perlu dibuat transformasi dalam pelbagai perkara yang dibincangkan. Seharusnya guru-guru sebagai tonggak pendidikan negara berupaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam memotivasi diri mereka ke arah menjadi guru berkesan. Untuk menjadi guru berkesan, guru-guru Bahasa Melayu harus memiliki keupayaan berkomunikasi dengan baik dan mempunyai ilmu pedagogi. Guru-guru perlu berfikiran reflektif, kreatif dan inovatif. Guru Bahasa Melayu harus memainkan peranan sebagai *constructivist leader* yang mampu mencetuskan pemikiran pelajar Bahasa Melayu. Peranan ini amat penting kerana guru Bahasa Melayu akan membimbing dan memandu pelajar membuat pembelajaran sendiri melalui konsep *self-paced* dan *self-accessed*. Amat penting seseorang guru Bahasa Melayu itu mempunyai kebolehan merangsang pembelajaran kreatif dan kritis serta membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Namun demikian, usaha ini tidak akan tercapai sekiranya tidak ada sokongan pelbagai pihak, daripada peringkat pengurusan, Kementerian Pelajaran, Pengetua, guru bahasa sehinggalah peranan pelajar, ibu bapa dan masyarakat dalam memastikan mata pelajaran Bahasa Melayu itu merupakan satu mata pelajaran yang amat seronok untuk belajar.

Rujukan

- Al-Quran Nur-Karim.
- Arends, Richard I. (2001). *Learning to teach*. Edisi Ke-5. Boston: Mc Graw-Hill.
- Austin, H. & Freebody, P. (2001). *Assembling and assessing the child-student: The child as a criterion of assessment*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Grasha, A.F. (1996). *Teaching with styles: A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Juliawati Ibrahim. (2006). Gaya pengajaran guru bahasa Daerah Hulu Langat: Satu kajian tinjauan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Juriah Long, Khalid Abdullah, Raja Mohd Fauzi Raja Musa, Siti Fatimah Mohd Yassin, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod & Zarin Ismail. (2001). Pendidikan dan latihan guru bahasa (Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab) abad ke-21. *Laporan Akhir Kajian Jangka Pendek G2/99*. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Juriah Long. (2010). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. (Pnyt.). Bangi: Penerbit UKM.
- Kellner, D. (2000). New technologies, new literacies: Reconstructing education for the new millennium. *Teaching Education*, 11 (3): 245-265.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1992). *Falsafah pendidikan kebangsaan*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kolb, D.A. (1976). *Learning style inventory: Self-scoring test and interpretation booklet*. Boston, MA: McBer & Co.
- Mohammed Sani, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jainabee Kassim. (2008). *Guru berkesan*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak. (1999). Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 1997. Dewan Sukan Pahang, Kuantan. 16 Mei 1997. Dalam Koleksi Ucapan Menteri Pendidikan Malaysia 1995-1999.
- Nor Razah Lim. (2007). Penggunaan teknik penyoalan lisan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Norlela Abdollah. (2007). Penyerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kertas Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- North Central Regional Educational Laboratory (NCREL) & Metiri Group. (2003). *EnGauge 21st century skills: Literacy in digital age*. Los Angeles, CA: NCREL & Metiri.

- Ong Sze Chong. (2008). Hubungan gaya pembelajaran dengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik mata pelajaran bahas adalam kalangan pelajar tingkatan 4. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Partnership for 21st Century Skills. (2008). 21st century skills, education and competitiveness.
http://www.p21.org/documents/21st_century_skill_education_and_competitiveness_guide.pdf (18 April 2011).
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1996). *Kurikulum abad ke-21: Kertas konsep*. Kuala Lumpur: KPM.
- Ruslin Amir. (2007). Stail berfikir, stail pengajaran dan stail pembelajaran pensyarah dan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Suwarnee Mohd Solah. (2006). Persepsi terhadap kesediaan dan tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah bandar dan luar bandar. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Wood, J.W. (2002). *Adapting instruction to accommodate students in inclusive setting: Including all students*. New York: Pearson Education Inc.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2007). *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris pelajar cemerlang*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Pentaksiran berasaskan sekolah: Panduan untuk guru Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan praktis*. (Pnyt.). Shah Alam: Karisma Publication.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar cemerlang. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Zamri Mahamod. (2011). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nota
